

Bible: Tindakan Khalid tidak wajar kata Syed Ali
Free Malaysia Today
3 April 2014
Oleh Adam Abu Bakar

PETALING JAYA: Tindakan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang mencadangkan supaya Persatuan Bible Malaysia (PBM) untuk menulis surat kepada Peguam Negara Tan Sri Abdul Ghani dibantah Syed Ali Al Habshee.

Menurut Ketua Umno Bahagian Cheras, Datuk Seri Syed Ali Al Habshee keputusan menteri besar tersebut adalah suatu keputusan yang tidak wajar, kerana kuasa Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) terletak di bawah kuasa kerajaan negeri.

Tambahnya, tindakan Jais itu telah diluluskan di bawah seksyen 9 Enakmen Pengawalan Pengembangan Agama Bukan Islam 1988 oleh Dewan Undangan Negeri (DUN).

“Tindakan menteri besar itu bukan sahaja memperlekehkan usaha JAIS, malah menunjukkan sikap Khalid yang lepas tangan terhadap isu ini.

“Ini merupakan isu agama, makan berhati-hatilah dalam membuat sebarang keputusan dan tangani ia dengan penuh hemah,” ujarnya.

Sebelum ini, pada 2 Januari lalu, Jais telah menyerbu PBM di Damansara Kim dan menahan dua orang pegawai iaitu Pengerusi, Lee Min Choon dan Setiausaha Agungnya Simon Wong.

Dalam rampasan tersebut pihak Jais telah merampas 300 bible versi bahasa Malaysia dan juga bahasa Iban.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/04/03/bible-tindakan-khalid-ibrahim-tidak-wajar-kata-syed-ali-al-habshee/>